

<input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian
<input type="checkbox"/> Berita Minggu
Tarikh: 8/12/2011
Hari: KHAMIS M/S: 10
Ruangan: VARSITI

BERITA
IPT

Personaliti TV terima sijil Dekan

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bharian.com.my

SERAMAI 72 pelajar Universiti Utara Malaysia cawangan Kuala Lumpur (UUMKL) yang melanjutkan pengajian secara Mod Eksekutif atau Pengajian Jarak Jauh (PJJ) menerima Anugerah Sijil Dekan Pelajar Cemerlang selepas mencatatkan purata nilai gred semester (PNGS) antara 3.5 hingga 4.00 dalam peperiksaan akhir di sini baru-baru ini.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, anugerah kecemerlangan itu dibahagikan kepada dua iaitu Sijil Anugerah Dekan yang menyaksikan 17 penerima dan juga Sijil Kecemerlangan Akademik yang membabitkan 55 pelajar.

Beliau berkata, majlis penganugerahan itu ialah kali pertama diadakan bertujuan memberi penghargaan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian sebagai pelajar mod eksekutif dan PJJ.

"Majlis penganugerahan ini turut menyaksikan pembabitkan beberapa personaliti yang mengikuti Pengajian Luar Kampus (Khas).



DR MOHAMED MUSTAFA (kanan) beramah mesra dengan penerima Sijil Dekan terdiri daripada beberapa selebriti dalam majlis penganugerahan Sijil Dekan Pelajar UUMKL, baru-baru ini.

"Penghargaan ini sebagai satu usaha universiti dalam mendorong pelajar terutama mereka yang melanjutkan pengajian secara PJJ di sini. Ia juga sebagai tanda sokongan universiti kepada pelajar di

UUMKL," katanya. Seramai 1,800 pelajar yang sedang mengikuti pengajian di UUMKL termasuk mereka yang menjalani Sarjana dan Ijazah Doktor falsafah

(PhD). Antara program yang disediakan ialah Program Komunikasi, Pengurusan Awam, Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa dan Pengurusan Perniagaan. Dalam majlis sama,

empat personaliti TV yang mengikuti Pengajian Luar Kampus (Khas) antara penerima Sijil Pencapaian Akademik Terbaik. Mereka ialah penyanyi Zehra Zambri, Shamsul Hirby

Muhid, bekas wartawan penyiaran, Yusanani Yushak dan personaliti Astro Awani, Ashwad Ismail.

Zehra ketika ditemui melahirkan rasa gembira atas pencapaian dan penghargaan yang diberikan UUMKL kepadanya serta rakan-rakan lain.

Beliau yang memulakan pengajian awal tahun lalu bersyukur dengan pencapaian namun tidak bermakna dia boleh berpuas hati kerana perlu meningkatkan usaha sehingga berjaya.

Shamsul Hirby atau lebih dikenali Diddy Hirby, berkata menjalankan tugas sebagai pelajar dan penyanyi dalam satu masa yang sama tidak mudah seperti yang disangka.

Namun kesibukan masa itu sebenarnya mengajar beliau untuk tidak berputus asa malah lebih tekad menghabiskan pengajian selain aktif dalam bidang nyanyian.

"Sudah tentu saya berasa gembira kerana berjaya melepasi semester enam dengan keputusan yang baik. Saya bersyukur dan ini tidak bermakna saya tidak perlu belajar bersungguh-sungguh sebaliknya menjadi pendorong semangat untuk terus berjaya pada semester akan datang.